

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]**

**TARIKH : 13 DISEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN :**

**TUAN WONG KAH WOH [ IPOH TIMUR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan status pencapaian Pelan Antirasuah Nasional (NACP).

**JAWAPAN**

**YB DATO SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Pelan Antirasuah Nasional (NACP) telah bermula pelaksanaannya pada Januari 2019 yang merangkumi 115 inisiatif yang dibahagikan kepada 6 bidang utama. Sehingga 31 Disember 2019, 29 inisiatif yang telah selesai pelaksanaan dengan pencapaian output pada tahun 2019.

Laporan Semakan Semula Separuh Penggal Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019-2023 telah dikeluarkan pada 19 Mei 2021 dengan menggariskan 82 inisiatif berasaskan kepada keperluan penambahbaikan berterusan seiring dengan dasar semasa kerajaan ke atas inisiatif-inisiatif yang digariskan dalam NACP 2019-2023.

Laporan Kemajuan NACP Bagi Tahun 2019 telah diedarkan kepada Parlimen pada November 2020 serta Laporan Kemajuan NACP Bagi Tahun 2020 dan 2021 akan dikeluarkan pada Penggal Kelima, Parlimen Ke-14 Tahun 2022.

Sekian, terima kasih.